

Dua teknologi kesan Covid-19

Dibangunkan universiti tempatan masih dalam fasa pembangunan pastikan ia selamat digunakan

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia membangunkan dua teknologi untuk mengesan virus Covid-19 menerusi universiti tempatan dibiayai Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti).

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, teknologi berkenaan adalah pengesanan menggunakan asid deoksiribonukleik (DNA).

"Selain itu, teknologi be-

rasakan pengesanan gentian fiber optik ke atas sampel air liur turut giat dibangunkan.

"Teknologi ini hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dan Mosti," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, kebelakangan ini beberapa media melaporkan beberapa penemuan baharu berkenaan alat mengesan Covid-19 di negara jiran seperti Singapura dan Indonesia.

Menurutnya, Malaysia tu-



Usaha ini penting bagi memastikan tahap kecekapan mengesan virus Covid-19 berada tahap lebih tinggi dan berkesan"

Ahmad Amzad

rut tidak ketinggalan dan teknologi dibangunkan universiti tempatan ini masih dalam fasa pembangunan dan piawaian bagi memas-

tikan ia selamat untuk digunakan dan memberikan bacaan tepat.

"Usaha ini sangat penting bagi memastikan tahap kecekapan mengesan virus Covid-19 berada tahap lebih tinggi dan berkesan.

"Selain daripada teknologi mengesan virus Covid-19, terdapat beberapa usaha penyelidikan dan pembangunan dalam ekonomi kurang sentuh, teknologi tinggi (*low touch, high tech*) untuk memudahkan kehidupan seharian dalam mengharungi norma baharu.

"Tahun lalu, MTDC (Per-

badanan Pembangunan Teknologi Malaysia) salah sebuah agensi di bawah Mosti melancarkan teknologi robotik untuk diguna pakai bagi menyelesaikan isu kebersihan dan pengangkutan barang di sebuah pasar awam negara ini.

"Selain itu, pernah viral sebelum ini mengenai Robot Makcik Kiah 19 (MCK19) atau *Key Innovations Assisting Healthcare* (Kiah) yang dicipta bagi membantu melakukan kerja petugas barisan hadapan," katanya.

Beliau berkata, Mosti turut melancarkan Malaysia

Grand Challenge bagi mendepani cabaran terkini negara dengan mengambil kira cabaran tempatan dan antarabangsa.

Menurutnya, selain itu pihak ada MyHackaton, National Technology Industrial Sandbox (NTIS) dan sebagainya.

"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan dan menerima idea dan teknologi sebegini yang dapat membantu mutu perkhidmatan awam atau memudahkan aktiviti seharian rakyat seiring pendekatan norma baharu," katanya.